

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2024)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI AHAD, 26 NOVEMBER 2023, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR**
- 3. SOALAN LISAN -**

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 1 (A38)**

Negeri Johor sedang menuju kearah negeri maju tahun 2030, saya percaya kerajaan negeri tidak akan meminggirkan semua golongan dalam menuju kemajuan itu. Apakah yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri bagi memastikan masyarakat Orang Asli juga tidak ketinggalan?

**YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 2 (A178)**

Apakah usaha kerajaan negeri dalam memajukan masyarakat Orang Asli di negeri ini khususnya di kawasan DUN Panti?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 3 (A73)**

Apa persediaan sekolah-sekolah yang terkesan akibat banjir di negeri Johor dalam mendepani bencana banjir Monsun Timur Laut yang dijangka hujung tahun ini?

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 4 (A51)**

Nyatakan jumlah Tabika Perpaduan di seluruh Johor dan adakah kewujudan Tabika Perpaduan ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan murid?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 5 (A47)

Keperluan rumah PPR dan Rumah Mampu Milik Johor amat tinggi di DUN Tiram, apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengenalpasti kawasan yang boleh dibangunkan perumahan PPR dan RMJ ini kepada golongan berpendapatan rendah di dalam DUN Tiram?

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 6 (A62)

TVET dilihat penting untuk memastikan kelangsungan pembangunan tenaga kerja berkaitan vokasional dan teknikal di era Revolusi Industri 4.0. Dalam hal ini, apakah inisiatif kerajaan negeri bagi memastikan peluang pekerjaan graduan ini dapat dimunafaatkan oleh industri tempatan.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 7 (A79)

Berapakah jumlah bantuan yang telah disalurkan oleh kerajaan kepada penerima bantuan JKM OKU dan lain-lain bagi meringankan beban perbelanjaan mereka dan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan jumlah bantuan tersebut?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 8 (A89)

Berapakah jumlah guru-guru agama di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor dan Pusat Islam Johor yang berstatus kontrak dan adakah kerajaan bercadang untuk menyerapakan guru-guru berkenaan kepada perjawatan tetap dan berpencen?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 9 (A11)

Sebagai rakyat Bangsa Johor kita berbangga dengan sistem Sekolah Agama Negeri. Namun demikian, apakah usaha kerajaan negeri untuk meningkatkan kemudahan di kebanyakan sekolah agama yang begitu usang dan tidak diselenggara dengan baik serta masalah kekurangan guru agama di sekolah agama negeri.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 10 (A59)

Berapakah jumlah Program Jualan Rahmah telah diadakan di setiap daerah Negeri Johor setakat ini?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 11 (A49)

Apakah punca yang menyebabkan pengguna jalan raya marah dengan proses pembaikan jalan yang dilakukan di kawasan Daerah Johor Bahru sehingga tular di dalam media sosial? Kebanyakan kes pembaikan jalan ini telah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang tidak masuk akal. Mohon penjelasan.

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 12 (A169)

Senaraikan semua tapak taman permainan kanak-kanak di Taman Johor Jaya dan rancangan baik pulih alat-alat permainan memandangkan kebanyakan alat-alat permainan telah rosak atau dalam keadaan kurang memuaskan yang akan membahayakan kanak-kanak.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 13 (A156)

Nyatakan usaha kerajaan melalui PEDi untuk membantu dari aspek pemasaran setiap produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh usahawan dalam kalangan wanita khususnya ibu tunggal di luar bandar dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan dan ekonomi mereka?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 14 (A1)

Berapakah jumlah kanak-kanak yang tidak terkawal (beyond parental control) atau nakal yang berada di bawah institusi pemulihan JKM?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 15 (A201)

Difahamkan lesen bot untuk aktiviti nelayan tidak dikeluarkan lagi dan mengakibatkan mereka yang tinggal di tepi pantai dan ingin mencari rezeki di laut menghadapi risiko tindakan penguatkuasaan. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu golongan tersebut?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 16 (A41)

Apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh pihak berkuasa bagi menangani dan mengelakkan sampah dibuang di merata tempat serta munculnya tapak sampah haram yang semakin banyak.

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 17 (A157)

Statistik pekerja gig di negeri Johor yang telah mendaftar serta mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan program advokasi untuk meningkatkan tahap kesedaran kepada golongan ini.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 18 (A129)

Apakah perancangan kerajaan untuk melebarkan jambatan permas Jaya bagi mengurangkan kesesakan jalan raya?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 19 (A72)

Bandar Akedemi YPJ telah melahirkan ramai graduan dan kini dalam penyiapan hab TVET yang menawarkan kursus kemahiran jangka panjang dan pendek. Apakah jaminan kerajaan bagi memastikan graduan dari pusat pendidikan ini mendapat pekerjaan memandangkan lambakan pekerja asing yang tidak berkemahiran?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 20 (A163)

Bagaimana perancangan Kerajaan Negeri Johor dalam mengambil berat tentang pelajar-pelajar tingkatan 6?

YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 21 (A52)

Nyatakan usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan formula Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan dapat diterjemahkan secara komprehensif dalam menangani isu-isu pergeseran perkauman dalam negara khususnya di Johor dan seterusnya memperkukuh perpaduan dengan lebih kukuh.

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 22 (A64)

Pemanasan global (global warming) mengakibatkan peningkatan aras laut dari tahun ketahun. Apakah kesiapsiagaan kerajaan bagi mengatasi masalah banjir akibat peningkatan aras laut ini dari sudut kejuruteraan.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 23 (A16)

Adakah kerajaan negeri mempunyai inisiatif bagi membantu projek pembangunan membina rumah kediaman berserta infrastruktur bagi generasi ke-2 FELDA yang telah mendapat hak pemilikan geran tanah di kawasan masing-masing terutama dalam kawasan DUN Pemanis?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 24 (A76)

Apa peranan dan tindakan yang dimainkan oleh Tourism Johor dalam menaik taraf dan membaik pulih tempat-tempat sejarah dalam Negeri Johor?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 25 (A171)

Nyatakan usaha mempromosikan sektor pelancongan domestik termasuk produk, warisan, makanan dan budaya di setiap daerah.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 26 (A133)

Nyatakan perancangan penilaian semula kadar taksiran cukai harta di lima PBT (Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Perbandaran Pengerang) supaya tidak membebankan rakyat.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 27 (A37)

Banyak kawasan di Negeri Johor terutamanya Parlimen Labis masih menggunakan paip lama dan sering berlaku paip pecah terutamanya di waktu puncak seperti hari perayaan dan sebagainya. Apakah perancangan kerajaan negeri bagi membaik pulih paip-paip lama tersebut pada tahun 2024?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 28 (A58)

Nyatakan jumlah pelajar yang tercicir di setiap daerah mengikut tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 29 (A191)

Mohon pihak kerajaan negeri menjelaskan tempoh masa yang diambil untuk penduduk menerima bekalan air luar bandar bermula dari permohonan hingga menerima bekalan air bersih seperti yang berlaku di kawasan Teluk Buloh, Sungai Ayam dan Minyak Beku.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 30 (A80)

Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi industri halal negeri Johor dalam usaha menjadi peneraju industri makanan halal di Malaysia dan dunia yang berpotensi menjana pendapatan kepada ekonomi negeri Johor.

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 31 (A113)

Apakah laluan-laluan baru terus antarabangsa ke negara lain yang akan dibuka di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 32 (A43)

Apakah pelan penyelesaian yang akan dilaksanakan bagi masalah kesesakan dan ruangan yang tidak cukup yang dihadapi oleh Klinik Kesihatan Payamas Tangkak.

YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)
SOALAN 33 (A176)

Mohon maklumkan perancangan kerajaan negeri untuk memperkasakan industri pelancongan terutamanya di daerah Kluang yang terkenal dengan Stesen Keretapi, Gunung Lambak, Gunung Berlumut dan lain-lain.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)
SOALAN 34 (A190)

Sentiasa berlaku Polis Marin Singapura menghalau nelayan-nelayan tempatan menangkap ikan dalam kawasan perairan Malaysia. Bagaimana kerajaan memantau sempadan perairan negara dan tindakannya bagi memastikan nelayan-nelayan tempatan bebas menangkap ikan di perairan negara sendiri.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 35 (A143)

Adakah kerajaan Johor bercadang untuk memberikan sumbangan atau bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, khususnya di Gaza yang dibantai secara rakus oleh Regim Penjajah Haram Zionis Israel pada masa ini?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 36 (A19)

Adakah Kerajaan Negeri mewujudkan tabung khas banjir bagi persediaan banjir di setiap daerah untuk digunakan sekiranya berlaku banjir di Negeri Johor?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 37 (A46)

Apakah pencapaian penglibatan penjawat awam Johor dalam Strategi Pertama Inisiatif Kedua Belanjawan 2023 Kemahiran Teknologi Digital Data Raya? Berapa banyakkah kursus Microsoft Power BI yang dianjurkan dan berapa ramai penglibatan penjawat awam dengan kursus ini?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 38 (A123)

Adakah Kerajaan Negeri Johor berhasrat untuk memperkenalkan pelaksanaan kredit karbon selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Johor untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 39 (A217)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan membuat kajian bagi mewujudkan peraturan yang membolehkan kredit karbon (carbon credit) atau urus niaga karbon (carbon trading) dapat dilaksanakan di Negeri Johor.

4. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2024) TAHUN 2023

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 27 November 2023, jam 9:30 pagi.